



Headline: ELAK JADI MANGSA
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 6 October 2018

Language: Malay
Section: X-Klusif
Page: 21

ELAK JADI MANGSA



*Jangan benarkan
akaun bank disalah
guna sindiket*

HANYA kerana sejumlah wang yang ditawarkan sebagai upah, ada pemilik akaun bank membenarkan akaun mereka digunakan pihak tidak dikenali.

Tindakan itu sebenarnya boleh menyebabkan akaun mereka disalahguna pihak tertentu. Sama ada mereka sedar atau tidak, ramai yang terjerat dan akhirnya menjadi keldai sindiket penipuan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, dalam kes melibatkan penipuan Macau Scam di Pahang, kebanyakan individu yang ditahan merupakan pemilik akaun bank yang digunakan sindiket untuk memindahkan wang mangsa.

Menurutnya, penyalahgunaan akaun bank ini berlaku disebabkan

sikap pemilik yang mudah mendedahkan maklumat akaun mereka kepada pihak ketiga atau sengaja membenarkan dokumen itu digunakan untuk mendapatkan upah.

"Hasil siasatan mendapati, akaun yang digunakan sindiket Macam Scam ini ada yang melibatkan akaun keldai dan akaun milik mangsa terdahulu.

"Selalunya, bila laporan dibuat, siasatan menjurus kepada individu yang disyaki terlibat dan suspek yang didedahkan adalah dalam kalangan pemilik akaun sedangkan dalang utama sukar dikesan," katanya.

Mohd Wazir berkata, sekiranya tertangkap, pemilik akaun ini juga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana bersubahat bagi tujuan menipu.

"Jika sabit kesalahan mereka berdepan hukuman penjara tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun, sebatan dan denda," katanya.

Justeru beliau mengingatkan pemilik akaun bank supaya lebih bertanggungjawab terhadap akaun mereka bagi mengelak ia disalahgunakan.

"Elakkan dedah maklumat akaun seperti nombor akaun, nombor kad ATM dan sebagainya kepada pihak ketiga kecuali bagi urusan yang sah.

"Jangan mudah percaya kepada orang tidak dikenali sekiranya mereka meminta bantuan untuk menggunakan akaun bank kita bagi tujuan tertentu biarpun dijanjikan bayaran.

"Pada masa yang sama, sekiranya mendapati berlaku transaksi meragukan, sila rujuk kepada pihak bank untuk semakan," katanya.